

**Jenis Akhbar** : Berita RTM

**Tarikh** : 18/02/2023

**Edisi / Muka surat** : [berita.rtm.gov.my](http://berita.rtm.gov.my)

**Tajuk** : ANGKASA Saran PIBG, Alumni Sekolah Tubuh Koperasi



**LIPIS, 18 Februari** - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) meminta Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta alumni sekolah mengambil inisiatif menubuhkan koperasi sebagai platform terbaik untuk mendidik murid sekolah rendah tentang perniagaan dan keusahawanan.

Presiden ANGKASA, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, inisiatif tersebut adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk meletakkan Malaysia sebagai negara keusahawanan menjelang 2030.

Katanya, pada masa ini gerakan koperasi sekolah hanya bermula di peringkat sekolah menengah dan ANGKASA berharap ia dapat diperkenalkan daripada awal khususnya di sekolah rendah.

"PIBG di peringkat sekolah kebangsaan juga perlu mengambil inisiatif menubuhkan koperasi. Guru, PIBG dan juga bekas pelajar alumni sebagai platform untuk digunakan sebagai salah satu daripada keadah untuk menambah pendapatan bagi membiayai aktiviti untuk meningkatkan kecemerlangan dan juga kurikulum di sekolah. Selain daripada platform yang terbaik untuk kita mendidik pelajar sekolah rendah ini perniagaan dan keusahawanan," katanya.

Beliau berkata, ini kerana peluang pekerjaan hari ini semakin kompetatif dan budaya bekerja sendiri perlu dipupuk sejak sekolah rendah dan menjadi budaya pada masa hadapan.

Menurutnya, langkah ini selari dengan sasaran kerajaan dalam Dasar Keusahawanan Nasional 2030 yang menuntut lebih banyak graduan melibatkan diri dalam sektor perniagaan.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Majlis Hari Anugerah Kecemerlangan Sekolah Kebangsaan (SK) Lubuk Kulit, Lipis.

Katanya, setakat ini, tujuh buah sekolah rendah di seluruh negara telah menubuhkan koperasi PIBG dan alumni.



*(Presiden ANGKASA, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah)*

Antaranya Koperasi PIBG Seri Tumpat 1 Berhad, Koperasi PIBG SK Kubang Batang Tumpat Berhad, Koperasi PIBG SK Agama Sarikei Berhad dan Koperasi PIBG SK Ulu Ranan Kanowit Berhad.

Sekolah lain ialah Koperasi PIBG dan Alumni SK Kuala Tatau Bintulu Berhad, Koperasi PIBG SK Bukit Ceraka Kapar Selangor Berhad dan Koperasi PIBG SK Tok Jiring Terengganu Berhad.